



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JANUARI 2019 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------|----|
| - 156,000 remaja terlibat seks | 34 |
|--------------------------------|----|

Berita Harian

- | | |
|--|----|
| - Penyelenggaraan jalan sempurna elak risiko nahas | 68 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JANUARI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	156,000 remaja terlibat seks
Muka Surat	34

34

JUMAAT 18 JANUARI 2019 • SINAR HARIAN

AMPANG. HULU LANGAT

HUBUNGAN SKUDU AMPANG / HULU LANGAT ISMADI ISMAIL - 019 3371003 / 019 6680275

156,000 remaja terlibat seks

24 18/1/19 1/8 34.

Berdasarkan
laporan kajian
oleh Institut
Kesihatan Umum
2017

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Warita Ikram Ampang Jaya dan Lembah Jaya memandang serius berhubung peningkatan jenayah seksual dan masalah sosial melibatkan anak daripada pelbagai peringkat usia.

Kajian dikeluarkan oleh Institut Kesihatan Umum pada 2017 melaporkan 156,000 remaja atau tujuhperatus remaja negara ini pernah melakukan seks.

Sejumlah 35 peratus remaja lelaki pernah melakukan seks sebelum usia 14 tahun, lebih membimbangkan 21 peratus remaja lelaki dan 11 peratus remaja perempuan melakukan seks dengan lebih daripada satu pasangan.

Warita Ikram mengambil



Antara peserta yang mengikuti seminar Keibubapaan Rahmah 2019.

inisiatif mengadakan seminar Keibubapaan Rahmah 2019, baru-baru ini, dalam usaha memberikan pendekahan kefahaman dan panduan kepada masyarakat mengenai kesejahteraan kanak-kanak khususnya berkaitan kesihatan seksual dan sistem reproduktif serta psikologi anak-anak agar tidak terjerumus ke

dalam permasalahan sosial dan seksual yang kian meningkat.

Pengarah Program, Aala Mohd Esy berkata, masyarakat khususnya ibu bapa, guru dan anak-anak seharusnya lebih terbuka membicarakan perihal kesihatan seksual dan reproduktif agar hal kehidupan anak masing-ma-

sing lebih teratur dan selamat dari gejala sosial.

"Seminar ini membincangkan mengenai kepentingan pendidikan anak-anak yang bermula dari rumah dan mendekati terbaik oleh ibu bapa, para pendidik serta masyarakat," katanya.

Menurutnya, pihaknya berharap 226 peserta

mendapat pengetahuan dan kemahiran awal dalam memahami dan mengesani faktor masalah sosial dan seksual dalam kalangan anak-anak.

"Seterusnya mengetahui apakah langkah intervensi yang boleh diambil dalam membantu menangani masalah tersebut," katanya.

info
11 peratus remaja perempuan melakukan seks dengan lebih daripada satu pasangan

Seminar itu adalah hasil kolaborasi bersama Malaysians Against Pornography, Bangunan Tadika Amal Hidayah, Pusat Pendidikan Al-Amin serta Surau At-Tarbiyah Taman Melawati.

Sementara itu Ketua Wanita Ikram Ampang Jaya, Mazura Nor Zuliffi berkata, ibu bapa perlu ada kesedaran dan ilmu pengetahuan bagi membina benteng perlindungan anak-anak dalam mendepari arus moden yang terdedah kepada pelbagai anasir negatif.

"Ibu bapa juga tidak seharusnya menjadikan telefon pintar sebagai medium untuk anak-anak bermain, ada juga segerulit ibu bapa tidak beri anaknya pegang telefon bimbit sehingga usia anaknya 16 tahun, kalau diberi pun bukan telefon pintar, ia hanya untuk alat perhubungan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
18 JANUARI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Penyelenggaraan jalan sempurna elak risiko nahas
Muka Surat	68

Penyelenggaraan jalan sempurna elak risiko nahas

B4 18/1/19 Ns 68

[FOTO HIASAN]



Keadaan jalan raya yang berlubang dan tidak diselenggara dengan baik boleh membahayakan pemandu terutama pada waktu malam berikutan jarak penglihatan terhad.

Sering kita dengan kemalangan jalan raya berlaku disebabkan kecualian pemandu atau kegagalan kenderaan untuk berfungsi dengan baik.

Namun, ada beberapa perkara yang boleh menjadi faktor kemalangan taitu keadaan jalan raya itu sendiri.

Permukaan jalan raya elemen penting berhubung dengan tayar kenderaan dan jika ia tidak rata atau beraulun, boleh menyebabkan kenderaan hilang kawalan dan terbabas.

Jalan berlubang sangat berbahaya terutama pada kenderaan ringan seperti motosikal yang mudah hilang kestabilan apabila terlanggar lubang sehingga boleh menyebabkan kemalangan.

Terdapat juga keadaan permukaan jalan raya dicemari pasir terutama pada bahu jalan. Keadaan ini menjasaskan kadar geseran an-

tara permukaan jalan dengan tayar kenderaan, yang boleh menyebabkan kenderaan hilang kawalan terutama jika disusuli penggunaan brek.

Jalan raya direka merangkumi sistem saliran untuk air hujan, tetapi jika tidak diselenggara dengan baik, ia boleh tersumbat.

Cetus gelungsuran hidro
Keadaan ini mengundang air bertakut di atas jalan raya, seterusnya mencecah keadaan hydroplaning atau gelungsuran hidro kepada kenderaan.

Tayar kenderaan seakan-akan terrapung antara takungan air dengan permukaan jalan raya. Ini menyebabkan pemandu hilang kawalan sehingga boleh terbabas.

Faktor pencahayaan jalan raya juga elemen penting dalam pemanduan. Sistem pencahayaan yang lemah meningkatkan risiko

berlaku kemalangan kerana ia mengurangkan jarak penglihatan pemandu. Keadaan ini sangat kritis terutama di lokasi berisiko seperti simpang dan cerun bukit.

Sistem pencahayaan yang baik dapat membantu meningkatkan tahap jarak penglihatan pemandu terutama pada waktu malam dan waktu kritis lain seperti pada masa hujan lebat atau berkabut.

Kesimpulannya, keadaan jalan raya boleh menjadi faktor utama berlaku kemalangan. Jalan raya harus direka dan diselenggara dengan baik demi menjamin keselamatan kenderaan yang menggunakannya, seterusnya mengurangkan kadar kemalangan.

Mohamed Khatif Tawaf,
Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Johor, Kampus Pasir Gudang